



ایکتن فنولیس سابه

IKATAN PENULIS SABAH

Tuaran, 15 Oktober 2023

KENYATAAN AKHBAR

IPS MENYUSUN SEMULA MAJLIS TERTINGGI

Ikatan Penulis Sabah (IPS) mengumumkan penyusunan semula Majlis Tertinggi penggal 2022-2024 berkuatkuasa 12 Oktober yang lalu. Menurut Ketua Satunya, Awang Abdul Muizz Awang Marusin, penyusunan semula dibuat untuk memenuhi permintaan Pendaftar Pertubuhan (ROS) Sabah agar kekosongan keanggotaan Majlis Tertinggi yang wujud disebabkan oleh pindaan kepada Perlembagaan IPS yang telah dipersetujui oleh ROS pada 8 Februari yang lalu diisi sepenuhnya sebelum akhir tahun ini.

Di bawah Perlembagaan IPS 2023, Mesyuarat Agung diberi kuasa memilih seorang Ketua Satu, seorang Ketua Dua dan lapan orang Ahli Majlis Tertinggi (AMT), manakala Ketua Satu diberi kuasa melantik seorang Setiausaha Satu, seorang Setiausaha Dua, seorang Bendahari, seorang Penolong Bendahari, seorang Ketua Penerangan dan lima orang lagi AMT. Berikutan pembesaran Jawatankuasa dengan 17 kerusi kepada Majlis Tertinggi dengan 20 kerusi, beliau berkata, "Terdapat keperluan mengatur semula Majlis Tertinggi dengan mengekalkan semua anggota yang sedia ada."

Penyusunan semula tersebut menyaksikan Hussin Mohamad dilantik sebagai Ketua Penerangan dan Syahfiera Sukor dilantik sebagai Penolong Bendahari. Pendahulu masing-masing, iaitu Mohd. Azrone Sarabatin dan Siti Hajar Abdullah, dikekalkan sebagai AMT. Turut dilantik sebagai AMT ialah Duta dan Ketua Perwakilan, Dr. Marlenny Deenerwan dan timbalan beliau yang juga Duta, Muhammad Farhan Firdaus Nordin.

Turut terlibat dalam penyusunan semula tersebut ialah Daniel Shafie Tanjiwan yang dilantik sebagai Juruaudit Dalaman di samping Dayang Siti Mariam Abbas yang berada dalam jawatan tersebut sejak Mesyuarat Agung 2022. Semua pelantikan tersebut, menurut Awang Abdul Muizz, berkuatkuasa sehingga Mesyuarat Agung yang seterusnya yang dijadualkan pada 7 Januari 2024.

Beliau turut mengingatkan semua ahli IPS bahawa pelantikan ini hanya bersifat sementara dan peralihan semata-mata. Malah, menurut beliau, penyusunan semula Majlis Tertinggi dalam penggal yang sedia ada bukan dibuat hanya pada kali ini.

"Sebelum ini, kita telah menaikkan Setiausaha Dua, Cikgu Juliah (Juliah Matnoor) menjadi Setiausaha Satu kerana peletakan jawatan orang sebelumnya. Ketika salah seorang Ahli Jawatankuasa masa itu meninggal dunia pun, kita telah membawa masuk seorang lagi ahli untuk menggantikannya. Penyusunan semula ini seharusnya sudah memasuki kali yang ketiga," kata beliau.

Oleh itu, menurut beliau, persoalan mengenai apakah IPS akan kembali gemilang setelah itu tidak semestinya memerlukan sebarang jawapan. Beliau selanjutnya menyerahkan soalan tersebut kepada semua ahli IPS untuk menjawabnya.

Beliau turut menyerahkan sepenuh kepercayaan kepada Mesyuarat Agung yang seterusnya untuk menentukan orang yang selayaknya menduduki Majlis Tertinggi yang seterusnya, termasuk melantik Ketua Satu yang seterusnya untuk tempoh dua tahun yang akan datang.

**MAJLIS TERTINGGI
IKATAN PENULIS SABAH**

mulai 12 Oktober 2023 sehingga Mesyuarat Agung 2024

Ketua Satu	Awang Abdul Muizz Hj. Awang Marusin
Ketua Dua	Fauziah Hj. Maksin
Setiausaha Satu	Juliah Hj. Matnoor
Bendahari	Roslan Sohasto
Ketua Penerangan	Hussin Mohamad
Setiausaha Dua	Muhammad Faizhaziq Mohd. Sarizam
Penolong Bendahari	Syahfierah Hj. Sukor
Ahli	Abd. Naddin Hj. Shaiddin Hj. Gazali Hj. Suhaili Junaidah Parudin Mabulmaddin Hj. Shaiddin Dr. Marlenny Deenerwan Mohammad Hilmi Ismail Mohd. Ashrafi Harumin Mohd. Azrone Sarabatin Muhammad Farhan Firdaus Nordin Nur Fatihah Abdullah Hjh. Sahara Jais Siti Hajar Abdullah Warman Wagiman
Yang turut hadir	Daniel Shafie Tanjiwan, Juruaudit Dalaman Dayang Siti Mariam Abbas, Juruaudit Dalaman Norjana Mohd. Adnan, Duta Norlidah R. Bam, Duta Wan Azzuar Shah Saaing, Duta